

Keluarkan kenyataan rasmi hari ini

■ Hasil sudah lama dibincang bukan selepas isu 2 sampel coklat Cadbury

Oleh Rizanizam Abdul Hamid

mrizanizam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerangkan ada mengeluarkan kenyataan terbaru berkaitan isu penemuan DNA babi dalam dua sampel coklat Cadbury seperti yang tersebar di Internet sejak kelmarin.

Pegawai Perhubungan Awamnya Asiah Alkharib Shah sebaliknya berkata, difahamkan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan hanya akan mengeluarkan keputusan rasmi melalui Pejabatnya Profesor Datuk Dr Abdul Shukor Husin esok (hari ini).

"Bagaimanapun fatwa yang akan dikeluarkan itu nanti adalah hasil yang sudah lama dibincangkan dan



DR Abdul Shukor

bukannya keputusan selepas isu penemuan DNA babi dalam dua sampel coklat yang heboh diperkatakan kebelakangan ini.

"Kenyataan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13 hingga 15 Oktober 2011 seperti yang tersebar adalah benar dan ia mungkin disebarluaskan semula oleh masyarakat yang prihatin, bukannya JAKIM," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan terbabit yang menjadi

viral dalam laman sosial sejak kelmarin yang menyebut Muzakarah telah membincangkan mengenai Pencemaran Asid Deoksiribonukleik (DNA) Babi Pada Produk Makanan Yang Disahkan Halal: Penelitian Dari Aspek Sains Dalam Menentukan Kaedah Penyelesaiannya Mengikut Aspek Syarak.

Hasil perbincangan itu, Muzakarah berpandangan bahawa Islam adalah agama bersifat mudah, menyenangkan dan tidak memberatkan umatnya dalam sesuatu perkara atau muamalah sehingga menyempitkan kehidupan harian.

Ketua Makmal Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Madya Dr Dzulkifly Mat Hashim yang hadir memberikan taksiran dan penjelasan pada muzakarah berkenaan ber kata bukan sesuatu yang mudah mengenalpasti sama ada DNA babi yang tercemar terbabit asli atau sintetik.

"Kita jangan bertindak mengikut emosi, sebaliknya mengikut landasan Islam kerana dikhawatir ada tindakan yang mungkin menyebabkan penganiayaan kepada pihak lain," katanya.